

# Jurukemas dinobat Ibu Teladan Jamiyah

Tanpa suami, jaya bimbing anak jadi doktor

Oct 06, 2019 | 05:30 AM

FARID HAMZAH



29



Kongsi



IBU BERWAWASAN: Cik Jamalia Shariff (kanan) memenangi Anugerah Ibu Teladan hasil pengorbanan sebagai ibu tunggal sementara Cik Peria Nayakhi Manivasagam (kiri) pula meraih Anugerah Ibu Muda Teladan kerana meluangkan masa bagi kerja kemasyarakatan. - Foto BM oleh GIN TAY

PENGORBANAN membesarakan tiga anak tanpa suami merupakan antara jerih payah yang perlu diharungi Cik Jamalia Shariff.

Namun, setiap titik peluh dan air mata membesarakan mereka ternyata dihargai bahkan semangat cekalnya membawa pada dirinya dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Ibu Teladan Jamiyah Singapura tahun ini.

Neneh berusia 63 tahun itu yang masih bekerja sebagai jurukemas rumah itu membawa pulang \$6,000 dan piala sebagai ganjaran.

Menceritakan perjalanan hidupnya, Cik Jamalia berkata beliau mengharungi pelbagai cabaran memandangkan dirinya tidak mempunyai kelayakan sekolah menengah.

Namun kesabarannya sepanjang 16 tahun menjadi ibu tunggal berbaloi apabila anak bongsunya, Dr Mumtaz Yusoff, 28 tahun, kini bergelar karyawan perubatan di Hospital Besar Changi (CGH).

"Memang tidak mudah membesarakan tiga anak yang ketika itu masih kecil.

"Tapi dengan pekerjaan membersihkan rumah itu, saya berjaya besarkan mereka dengan sempurna," katanya lagi.

Ini merupakan kali ke-27 Jamiyah Singapura menganjurkan sambutan Anugerah Ibu Teladan.

Presiden Halimah Yacob hadir bagi menyampaikan hadiah istimewa itu kepada Cik Jamalia di majlis gilang-gemilang yang berlangsung di Hotel Swissotel The Stamford.

Dalam pada itu, buat tahun kedua, Anugerah Ibu Muda Teladan pula disampaikan kepada wanita generasi baru yang tidak mengabaikan amanah terhadap anak-anak atau kerja kemasyarakatan dalam kesibukan bekerja.

Pemenang tahun ini, Cik Peria Nayakhi Manivasagam, 39 tahun, seorang guru prasekolah turut menyumbang masanya dengan Jawatankuasa Eksekutif Wanita di estet kejiranannya Punggol West.

"Walau saya sibuk dengan kerjaya dan rumah tangga tetapi saya juga meluangkan masa buat masyarakat kerana minat membantu orang," katanya yang menerima wang tunai \$2,000 dan piala.

Dalam ucapannya pula, Puan Halimah menggesa kaum Hawa agar mendapatkan bantuan daripada keluarga serta sahabat handai, termasuk kaunseling sekiranya perlu apabila dibelenggu masalah.

"Wanita biasanya enggan berbuat demikian kerana percaya bahawa sekiranya mereka mendapatkan bantuan, ia mungkin menandakan yang mereka tidak dapat uruskan tanggungjawab dengan baik dan rasa malu.

"Akibatnya mereka mungkin hadapi tekanan mental, yang boleh membawa kepada isu lebih serius, yang kemudian menjelas keluarga.

"Sebagai permulaan, wanita patut terima yang mereka bukan manusia luar biasa, dan tidak boleh lakukan segalanya dengan sendiri atau lakukan semuanya dengan sempurna.

"Kita perlukan sokongan, bantuan dan pemahaman agar kita boleh buat sumbangan berkesan," katanya.

Seramai 1,000 tetamu menghadiri majlis itu yang diserikan dengan persembahan bintang dari seberang yang juga Naib Juara, Gegar Vaganza 3, Siti Sarah Raissuddin.

# Jurukemas dinobat Ibu Teladan Jamiyah

Tanpa suami, jaya bimbing anak jadi doktor

► FARID HAMZAH  
farid@sph.com.sg

PENGORBANAN membesarakan tiga anak tanpa suami merupakan antara jerih payah yang perlu diharungi Cik Jamalia Shariff.

Namun, setiap titik peluh dan air mata membesarkan mereka ternyata dihargai bahkan semangat cekalnya membawa pada dirinya dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Ibu Teladan Jamiyah Singapura tahun ini.

Neneh berusia 63 tahun itu yang masih bekerja sebagai jurukemas rumah itu membawa pulang \$6,000 dan piala sebagai ganjaran.

Menceritakan perjalanan hidupnya, Cik Jamalia berkata beliau menghargungi pelbagai cabaran memandangkan dirinya tidak mempunyai kelayakan sekolah menengah.

Namun kesabarannya sepanjang 16 tahun menjadi ibu tunggal berbaloi apabila anak bongsunya, Dr Mumtaz Yusoff, 28 tahun, kini bergelar karyawan perubatan di Hospital Besar Changi (CGH).

"Memang tidak mudah membesarkan tiga anak yang ketika itu masih kecil."

"Tapi dengan pekerjaan membersihkan rumah itu, saya berjaya besarkan mereka dengan sempurna," katanya lagi.

Ini merupakan kali ke-27 Jamiyah Singapura mengajurkan sambutan Anugerah Ibu Teladan.

Presiden Halimah Yacob hadir bagi menyampaikan hadiah istimewa itu kepada Cik Jamalia di majlis gilang-gemilang yang berlangsung di Hotel Swissotel The Stamford.

Dalam pada itu, buat tahun kedua, Anugerah Ibu Muda Teladan pula disampaikan kepada wanita generasi baru yang tidak mengabaikan amanah ter-



**IBU BERWASAN**: Cik Jamalia Shariff (kanan) memenangi Anugerah Ibu Teladan hasil pengorbanan sebagai ibu tunggal sementara Cik Peria Nayakhi Manivasagam (kiri) pula meraih Anugerah Ibu Muda Teladan kerana meluangkan masa bagi kerja kemasyarakatan. – Foto BM oleh GIN TAY

hadap anak-anak atau kerja kesayarakatan dalam kesibukan bekerja.

Pemenang tahun ini, Cik Peria Nayakhi Manivasagam, 39 tahun, seorang guru prasekolah turut menyumbang masanya dengan Jawatankuasa Eksekutif Wanita di estet kejiranan Punggol West.

"Walau saya sibuk dengan kerjaya dan rumah tangga tetapi saya juga meluangkan masa buat masyarakat kerana minat membantu orang," katanya yang menerima wang tunai \$2,000 dan piala.

Dalam ucapannya pula, Puan Halimah

menggesa kaum Hawa agar mendapatkan bantuan daripada keluarga serta sahabat handai, termasuk kaumseling sekiranya perlu apabila dibelenggu masalah.

"Wanita biasanya enggan berbuat demikian kerana percaya bahawa sekiranya mereka mendapatkan bantuan, ia mungkin menandakan yang mereka tidak dapat uruskan tanggungjawab dengan baik dan rasa malu."

"Akibatnya mereka mungkin hadapi tekanan mental, yang boleh membawa kepada isu lebih serius, yang kemudian

menjejas keluarga.

"Sebagai permulaan, wanita patut terima yang mereka bukan manusia luar biasa dan tidak boleh lakukannya segalanya dengan sendiri atau lakukan semuanya dengan sempurna."

"Kita perlukan sokongan, bantuan dan pemahaman agar kita boleh buat sumbangan berkesan," katanya.

Seramai 1,000 tetamu menghadiri majlis itu yang dicerik dengan persembahan bintang dari seberang yang juga Naib Juara, Gegar Vaganza 3, Siti Sarah Raissuddin.